

MAHATHIR - BELANDA

I

1982

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU KERAJAAN BELANDA MENGAJAI SEMULA SEJARAH PEMERINTAHANNYA DI HINDIA TIMUR BELANDA SEBELUM BERTINDAK SEBAGAI ORANG YANG MEMPUNYAI SUARA HATI.

DIGUL (PUSAT TAHANAN BAGI PEJUANG-PEJUANG KEBANGSAAN INDONESIA DI IRIAN) ADALAH CIPTAAN MEREKA, KATANYA DALAM UCAPAN DASAR DIPEMBUKAAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-33 UMNO DI SINI.

KENYATAANNYA ITU DIANGGAP SEBAGAI RUJUKAN KEPADA KENYATAAN KRITIKAL OLEH PERDANA MENTERI BELANDA, ENCIK ANDREAS VAN AGT BARU-BARU INI MENGENAI AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MENGHAPUSKAN AKTA ITU SELAGI TERDAPAT KUMPULAN-KUMPULAN YANG BERMINAT DALAM KEGIATAN YANG MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA.

ENCIK VAN AGT DIPETIK AGENSI BERITA ASING SEBAGAI BERKATA BAHAWA TINDAKAN MALAYSIA DALAM MEMPERTAHANKAN KESELAMATAN NEGARA ADALAH PADA ASASNYA BERANGGAH DENGAN NORMA-NORMA ANTARABANGSA.

BELIAU TURUT MENYATAKAN KEBIMBANGANNYA MENGENAI SEJUMLAH BESAR HUKUMAN MATI YANG DIKENAKAN DI MALAYSIA DAN BERKATA BAHAWA BELANDA MUNGKIN BOLEH MEMINTA MALAYSIA MENGGUNAKAN PERUNTUKAN BAGI PENGAMPUNAN. - BERNAMA 1033/BW